

Budayakan amalan lestari demi generasi akan datang - PM

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - April 22, 2022 @ 2:50pm
mohd_iskandar@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengajak seluruh Keluarga Malaysia menggembungkan tenaga dan menyumbang masa untuk membudayakan amalan kelestarian demi kelangsungan generasi akan datang sempena sambutan Hari Bumi tahun ini.

Perdana Menteri berkata, amalan seperti menghindari penggunaan plastik dan penjimatkan sumber tenaga perlu dijadikan kebiasaan dalam kehidupan.

"Saya juga ingin mengajak sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk bersama memainkan peranan dalam usaha melestarikan alam sekitar.

"Sejajar dengan Fokus Kelapan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, pembangunan ekonomi tidak harus menjelaskan alam sekitar, manakala liputan kawasan hijau perlu dipertahankan," katanya menerusi perkongsian di Facebook, hari ini.

Ismail Sabri menegaskan, usaha untuk mempercepatkan pertumbuhan hijau, mempertingkatkan kemampuan tenaga dan mentransformasikan sektor air, harus kekal menjadi teras pembangunan sosioekonomi negara.

Katanya, kerajaan pula akan terus memenuhi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sehingga 45 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2030, berdasarkan intensiti pelepasan 2005, selari dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai negara rendah karbon.

"Saya sedar ini memerlukan usaha yang bersepadu serta komitmen dan pelaburan hijau yang tinggi.

"Namun, saya yakin dengan pembabitan Keluarga Malaysia, komitmen ini akan memastikan Malaysia seiring dengan usaha negara lain untuk mencapai matlamat global dalam menangani perubahan iklim dan meningkatkan daya saing negara.

"Saya mendoakan supaya seluruh Keluarga Malaysia terus bersemangat memainkan peranan dan memikul tanggungjawab bagi mewariskan Malaysia yang lestari kepada generasi akan datang.

"Lestarikan Bumi. Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama. Selamat Menyambut Hari Bumi Tahun 2022," katanya.